MALAYSIA

UTUSAN

MINDA RAKYAT



10 July 2025

Ini kisah Jali dan hantu simpang empat jalan dalam

Ini adalah kisah seorang kawan aku berkenaan pengalamannya dibantu oleh hantu. Kawan aku yang bernama Jali ini memang berani dan agak kepala batu sedikit. Di antara ramai kawan, Jali *larr* yang paling berani dan boleh dikatakan tidak takut kepada sesiapå termasuklah hantu! Sifatnya suka melawan pada sebarang ragam atau perkara yang dia rasakan tak kena atau tak betul.

Dia sebaya dengan aku, cuma kami berbeza kelas semasa tingkatan satu hingga tingkatan lima. Sudah nasibnya, daripada beberapa orang kawan rapat aku, dialah satu-satunya yang kurang berjaya dalam pelajaran. Ketika kami semua beruntung dapat melanjutkan pelajaran di menara gading, dia sudah mula bekerja di kilang.

Walaupun dikira awal memasuki alam pekerjaan namun, Jali tidak pernah lekat dengan satu-satu kerja. Tak sampai setahun bekerja di sesebuah kilang, pasti dia akan bertukar ke kilang lain. Paling lama bertahan pun hanya dua tahun, “Bosan!” katanya.

Kisah yang hendak aku ceritakan ini berlaku ketika Jali bekerja di sebuah kilang memproses kelapa sawit di daerah Kulai Jaya, Johor. Tak tahulah aku, itu kilang ke berapa dia bekerja? Rasa-rasanya yang ketujuh atau kelapan.

Jali : Eh! Ada orang di belakang aku! Ini sudah kira bagus.

Setiap hari, Jali akan menunggang kapcainya ke tempat kerja. Jarak antara rumahnya ke kilang sawit kira-kira 25 kilometer. Itu adalah jarak terdekat dia berulang-alik ke tempat kerjanya jika melalui jalan pintas atau lebih dikenali oleh orang kampung sebagai jalan dalam.

Jalan tersebut adalah jalan ladang yang di kelilingi pokok kelapa sawit. Kalau nak ikut jalan besar atau jalan luar, jarak sebenarnya adalah kira-kira 48 kilometer. Memang jauh perbezaannya, hampir sekali ganda jika nak dibandingkan dengan jalan dalam.

Pada hari pertama bekerja di kilang itu, Jali ikut jalan luar ke tempat kerjanya. Dia keluar rumah awal, pukul empat pagi, tujuannya supaya tidak lewat sampai. Selain itu, Jali sendiri tidak pasti jangka masa yang harus diambil untuk sampai ke tempat kerjanya.

Pada hari kedua, Jali ditemani oleh Satar, rakannya yang telah setahun bekerja di kilang tersebut. Kali ini Jali dan Satar tidak ikut jalan

besar atau jalan luar tetapi, mereka ikut jalan dalam yang ditunjukkan oleh Satar.

“Lambat kalau ikut jalan luar.” kata Satar.

Bagus juga Satar temankan, walaupun jalan dalam lebih gelap kerana di kelilingi pokok sawit, sekurang-kurangnya cahaya lampu dari kapcai Satar yang baru sebulan dibelinya terang berbanding lampu kapcai buruknya (kapcai Jali).

Pada hari ketiga, Satar yang menunjukkan jalan tersebut tidak pergi kerja bersamanya. Kawannya itu kena syif malam, jadi Jali ke tempat kerja seorang diri.

Seperti hari sebelumnya, Jali keluar rumah pada pukul empat pagi. Hatinya berbelah bagi, sama ada hendak ikut jalan luar yang jauh tapi agak terang atau, jalan dalam yang dekat tapi memang gelap? Lampu kapcai buruknya sudahlah malap, kalau kapcainya buat hal pula di tengah jalan, masak Jali nanti.

Tapi kalau ikut jalan luar, sudah tentu lambat sampai. Minyak kapcainya pun sekadar ngam-ngam saja.

Setelah berkira-kira, akhirnya dia mengambil keputusan untuk mengikuti jalan dalam. Jali yakin dia masih ingat lagi simpang-simpang yang harus dituju, dia yakin dia boleh!

Jali mula bergerak mengikuti jalan pintas tersebut. Setelah agak lama menyusuri jalan dalam, dia memberhentikan kapcainya apabilå tiba di sebuah simpang empat.

Di sini dia mula bingung, simpang mana yang harus diikuti? Ke kiri atau ke kanan? Tidak mungkin terus kerana seingatnya, dia harus belok ke arah kanan atau kiri. Tanpa berfikir panjang, dia belok ke simpang kanan.

Dengan yakin Jali meneruskan perjalanannya. Dia terus bergerak sehingga berjumpa dengan sebuah lagi simpang empat. Jali bingung lagi! Hendak ikut yang mana satu? Agak lama juga dia termenung.

Akhirnya Jali ambil keputusan untuk mengikuti simpang ke kanan. Dia menyusuri perlahan-lahan jalan itu sehingga akhirnya tiba di satu lagi simpang empat. Kali ini Jali betul-betul hairan kerana sekarang ini dia berada di simpang empat pertama yang dia temui tadi! Jali termenung, “Simpang ini lagi!”

Dalam hatinya berkata, “Tak mungkin jalan ini berpusing!” Walau apå pun yang Jali fikirkan, memang itulah hakikatnya, jalan tadi sebenarnya berpusing. Dia telah mengikut arah simpang yang salah.

Memandangkan dia telah tersalah pilih jalan maka, Jali menyusuri ke simpang kiri pula.

Beberapa minit berlalu, sampailah dia ke satu lagi simpang empat.

Kali ini Jali yakin betul! Simpang yang dia jumpa sekarang bukannya simpang tadi, ia sebuah simpang empat lain! “Betul *larr*, memang simpang ini!” dia berkata sendiri.

Walaupun telah jumpa simpang lain yang diyakininya betul, masalahnya sekarang, ke mana dia harus tuju? Terus ke depan, ke kanan atau, ke kiri? Lama juga Jali berhenti di situ. Jali bingung lagi!

Setelah beberapa minit berhenti mencari arah laluan ke tempat kerjanya, dari jauh Jali terdengar deruan enjin motosikal.

“Hah! Ada pun orang lalu!” Jali menantikan motosikal itu, dia akan mengikut ke mana arah penunggang motosikal itu pergi?

Sudah tentu jalan yang akan dilalui oleh penunggang itu adalah jalan ke tempat kerjanya atau, sekurang-kurangnya membawa dia ke arah itu. Kalau pun tidak ke arah itu, paling tidak pun mesti ke arah jalan yang terdapat ramai orang. Dari situ, kalau masih tidak berjumpa jalan ke kilangnya, dia boleh bertanyakan pada orang lain.

Tidak lama kemudian, motosikal yang ditunggu kini melintas di depan Jali. Motosikal itu terus membelok ke kiri. Jali segera mengekorinya tapi, dia terkejut! Dalam samar-samar gelap dinihari itu, Jali tidak nampak kepala penunggang motosikal di depannya, senang cerita, penunggang itu tak ada kepala! Yang kelihatan hanyalah badan sahaja, itupun tak berapa jelas.

“Uiii... tak ada kepala! Ishhh... biar betul ni! Tak mungkin! Tapi tak kisahlah, takkanlah dia tu hantu!” itulah reaksi Jali.



Memang Jali tidak takut langsung. Terkejut itu biasalah, lagi pun agak sukar untuk Jali melihat kepala penunggang motosikal itu, ini kerana cahaya lampu kapcainya bukanlah terang sangat, tidak terjangkau pun untuk menyuluh bahagian atas badan penunggang yang diekorinya.

Jali juga rasakan yang penunggang tidak berkepala itu cuma perasaannya saja. Apå yang penting baginya ialah, ada orang lain yang menunjukkan jalan untuk dia ke tempat kerja, itu yang mustahak!

Tidak sampai pun seminit dia mengekori penunggang itu, tiba-tiba kelibat penunggang dan motosikalnya hilang, lesap entah ke manå, “Ke arah mana pulak orang tu pergi?” jalan tersebut lurus, tiada simpang belok ke kiri atau ke kanan, macam mana penunggang itu boleh ghaib?

“Mungkin motor dia laju, motor aku yang semput perlahan.” itu anggapan Jali.

Lalu, Jali melajukan kapcainya. Lama juga Jali mengejar motosikal di depannya yang dia sendiri tidak nampak. Setelah berhempas-pulas memulas *throttle* minyak sehingga maksimum, akhirnya dapat juga Jali mengejar penunggang tersebut. Dia terus melajukan motosikal supaya rapat dengannya.

“Hah! Kan ada kepala! Tadi yang aku nampak tak ada kepala memang betul hanya perasaan aku saja.” sekali lagi dia berkata dalam hatinya meyakinkan yang penunggang itu sebenarnya bukan hantu.

Apabila berada betul-betul di belakang motosikal yang dikejarnya tadi, Jali membunyikan hon beberapa kali; tujuannya untuk menarik perhatian penunggang itu supaya menoleh kepadanya. Jika dia menoleh, Jali akan membuat isyarat supaya penunggang tadi memperlahankan motosikalnya.

Setelah beberapa kali membunyikan hon, akhirnya penunggang tadi menoleh ke belakang.

Sebaik saja penunggang itu menoleh. Jali benar-benar tersentap, dia terperanjat, “Hah! Tak ada muka!”

Memang benar, penunggang yang menolehnya itu tidak bermuka. Dari belakang memang nampak ada kepala tetapi, ditutupi dengan topi seperti yang dipakai oleh tentera Jepun pada zaman 1940ān; topi tersebut panjang dan melindungi kiri dan kanan muka serta menutup bahagian tengkuk penunggang itu.

Disebabkan terkejut, Jali tidak dapat mengawal kapcainya. Dia terbabas ke tepi jalan dan terjatuh ke dalam semak-semun yang bersempadan dengan deretan pokok sawit.

Walaupun terjatuh, Jali tidak mengalami kecederaan serius. Pakaiannya hanya koyak sedikit di bahagian siku serta lutut dan menyebabkan kedua-dua bahagian itu mengalami calar-calar sahaja. Sementara itu, penunggang yang tidak bermuka itu hilang sekelip mata begitu saja.

Setelah Jali bangun dan mengibas-ngibas baju serta seluarnya, dia menghidupkan enjin motosikalnya yang mati semasa terjatuh tadi.

“Oooo... cuba nak mainkan aku ye!” kata Jali sendirian.



Seperti yang dikatakan di awal tadi, Jali memang keras kepala dan bersifat melawan; itulah Jali atau nama sebenarnya Razali Tugiran, memang tidak kenal erti takut pun walau pada hantu sekalipun.

Sebenarnya dia terjatuh dan terbabas ke semak tadi pun kerana terkejut bukannya takut.

Jali tergopoh-gapah bergegas mengejar penunggang yang berjaya mengejutkannya tetapi, tidak berjaya sama sekali menakutkannya, dia terus memulas *throttle* sampai habis, tujuannya supaya dapat mengejar penunggang tidak bermuka tadi.

Tak tahulah, sama ada Jali nak menunjukkan yang dia tidak gentar pada penunggang hantu bertopi Jepun tak bermuka tadi atau, mungkin hendak ikut laluan penunggang hantu yang sama supaya sampai ke tempat kerjanya? Tapi rasanya, Jali perlukan bantuan tunjuk arah ke tempat kerjanya.

Sementara itu, walaupun kira dah laju Jali memecut motosikalnya, dia masih tak mampu mengejar penunggang yang sudah lesap entah ke mana itu?

Jali tidak putus asa dan terus melajukan kapcainya walaupun habis *throttle* dipulas, laju manålah kapcai Jali boleh memecut.

Dalam pada berhempas-pulas mengejar penunggang yang hilang tadi, tiba-tiba Jali terdengar bunyi enjin motosikal dari arah belakang.

“Eh! Ada orang di belakang aku! Ini sudah kira bagus.” berkata Jali dalam hatinya.

Kehadiran motosikal di belakangnya itu sekurang-kurangnya boleh dijadikan teman ke tempat kerjanya atau, setidak-tidaknya dia dapat menunjukkan jalan keluar. Jika Jali tidak dapat mengejar motosikal di

depannya, dapatlah juga dia bergerak saing dengan motosikal yang berada di belakang.

Itupun kalau niat Jali untuk terus ke tempat kerjanya tapi, kalau niatnya untuk mengajar penunggang kurang ajar yang menyebabkannya terbabas tadi, kemudian baru Jali menunggu motosikal lain yang lalu, nampaknya terpaksalah dia lupakan saja hajatnya itu (mengajar penunggang kurang ajar).

Jali menoleh ke belakang, serta-merta dia memperlahankan kapcainya supaya motosikal di belakang itu dapat mengejarnya.

Tidak lama kemudian, motosikal di belakang itu sudah berada di sebelahnya.

Jali menoleh ke arah motosikal itu.

“Woo... woo... woo... nah! Itu dia...” kali ini Jali terkejut lagi, terkejut macam tadi.

Memang ada motosikal di sebelahnya namun, kali ini penunggang tersebut tidak berkepala!

Disebabkan terkejut, Jali terbabas lagi ke tepi parit. Nasibnya baik kerana parit di tepi jalan tersebut tidak dalam dan tidak berair. Kali ini Jali berjaya mengawal motosikalnya supaya tidak tergolek dan terjatuh.

“Tadi ada kepala. Lepas itu tak ada muka. Yang ini tak ada kepala pulak!” tersembur kata-kata dari Jali seolah-olah ditujukan kepada penunggang tidak berkepala itu.

“Memang hantu dia ni! Ah! Ada kepala kē tak ada kepala kē? Hantu Jepun kē hantu apa kē? Aku peduli apå! Asalkan ada orang yang tunjuk jalan, sudah!”

Itulah Jali, memang macam tak ada perasaan langsung. Entah apa pendinding yang Jali pakai? Aku pun tak tahu. Hampir tiga kali diuji, “Eh!

Dia masih *steady* lagi.” kalau aku atau orang lain, tak tahulah apa hendak dikata? Mungkin terkencing di situ juga agaknya.

Sementara itu, Jali meneruskan perjalanannya tanpa ditemani sesiapå. Dia ikut nalurinya saja.

Setelah lama menyusuri jalan mengikut nalurinya, akhirnya Jali berjaya sampai ke sebuah lagi simpang empat. Dari simpang empat ini, Jali sudah boleh nampak kilang tempat dia bekerja.

Jali sudah jumpa tempat kerjanya! Satu hantu tak berkepala dan satu hantu lagi tak bermuka itu telah menunjukkan jalan kepadanya.

Setelah memarkir kapcainya, Jali terus menuju ke arah empat orang pekerja kilang yang baru sampai. Dia menceritakan apå yang baru saja dia alami tadi.

Namun, mereka yang berada di situ tidak terkejut pada kisah yang Jali ceritakan. Menurut mereka, Jali adalah orang ketiga yang mengalami peristiwa serupa, sebagaimana dua pekerja kilang tersebut alami sebelum ini. Semuanya berlaku sewaktu pertama kali melalui kawasan kebun sawit ketika mula bekerja.



Walaupun empat orang pekerja itu tidak terperanjat pada cerita Jali namun, mereka kagum pada keberanian Jali. Menurut mereka, inilah pertama kali ada orang kena kacau dengan hantu tetapi, berani pula mengejar hantu tersebut; inilah pertama kali juga hantu mengacau mangsanya lebih daripada satu kali, mungkin disebabkan rasa tidak puas hati kerana mangsanya adalah seorang yang berani.

Hari itu, heboh satu kilang pasal kisah Jali. Baru mereka tahu, Jali bukan sembarangan orang, Jali memang berani!

Sehari kemudian, baru Satar dapat tahu yang Jali dikacau oleh dua ekor hantu ketika melalui jalan dalam. Ini kerana, hari itu Satar bekerja syif pagi, sama dengan Jali. Tetapi reaksi Satar seakan tidak menampakkan kehairanan.

Sebenarnya Satar pernah alami peristiwa yang Jali alami sebelum ini. Yang bezanya, Jali diusik lebih dari satu kali tetapi, Satar diusik hanya sekali saja sewaktu dia pergi kerja melalui jalan itu ketika baru bekerja di kilang tersebut.

Walaupun Satar pernah diganggu oleh hantu jalan dalam namun, tidak siapå pun tahu hal tersebut. Ini disebabkan Satar tidak pernah beritahu pada sesiapå mengenai pengalamannya itu, tujuannya supaya orang yang melalui jalan dalam tidak berasa takut. Tapi Jali memang *power!* Bukan dia lari, sebaliknya dia pergi kejar pula hantu itu.

– Mastika % UtusanTV

Catatan

Syahrul Azmy Hj· Aliasak,
Bandar Baru Bangi, Selangor.